Kawalan Keselamatan Sdn Bhd lwn Pendakwa Raya (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja)

MAHKAMAH TINGGI (KUANTAN) — RAYUAN JENAYAH NO 41–15 OF 1997
ABU SAMAH H
20 Jun 2003

Undang-Undang Buruh *— Pekerjaan — Tanggungjawab majikan — Kegagalan membuat bayaran caruman yang terkurang bayar kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dua orang pekerja — Rayuan terhadap keputusan majistret — Sama ada perayu dikehendaki membuat caruman bagi gaji atau 'wages' yang dibayar kepada pekerja pada hari cuti dan hari cuti am — Sama ada perkataan 'overtime payment' termasuk bayaran bagi hari cuti dan cuti am — Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 s 43(2)*

Perkataan dan Rangkai Kata *— 'wages' — Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 s 2 — Maksud*

Perayu telah merayu terhadap keputusan majistret Kuantan yang mendapati perayu bersalah terhadap ketiga-tiga pertuduhan di bawah s 43(2) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 ('Akta KWSP') kerana gagal membuat bayaran caruman yang terkurang bayar bagi dua orang pekerjanya. Isu-isu yang perlu diputuskan ialah sama ada perayu dikehendaki membuat caruman bagi gaji atau 'wages' yang dibayar kepada pekerja tersebut pada hari cuti dan hari cuti am; dan sama ada perkataan 'overtime payment' termasuk bayaran bagi hari cuti dan cuti am.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu dan mengenepikan perintah majistret mengenai bayaran caruman tunggakan:

(1) Apabila seseorang itu bekerja pada hari cuti dan hari cuti am, ia berada di luar waktu biasanya. Apabila ia bekerja di luar waktu biasanya, ia adalah melakukan kerja lebih masa. Oleh kerana makna perkataan 'wages' di bawah s 2 Akta KWSP tidak termasuk bayaran lebih masa, maka adalah jelas bahawa majikan, iaitu perayu tidak dikehendaki membayar caruman ke atas bayaran kepada pekerja yang bekerja pada hari cuti atau cuti am. Dengan menggunakan perkataan di dalam (a) kepada bahagian tafsiran Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 ('Ordinan 1951'), khususnya 'normal period of work' adalah jelas bahawa makna 'wages' tidak termasuk gaji atau upah di luar waktu kerja biasa, iaitu waktu kerja lebih masa atau 'overtime'. Ordinan 1951 tersebut hanya mewajibkan caruman dibuat ke atas gaji bagi kerja-kerja dalam waktu kerja biasa sahaja (lihat ms 328B–C, G–H).

(2) Perayu telah dituduh pada tahun 1996 terhadap kegagalan membuat bayaran caruman terkurang bagi pekerja-pekerja tersebut bagi gaji bulan Januari dan Mei 1994. Perayu dituduh selepas Akta A914 berkuatkuasa. Walaupun Akta A914 tidak

menyatakan bahawa ia berkuatkuasa kebelakangan atau secara retrospektif, 'lacunae' yang terdapat pada masa yang material patut diputuskan memihak kepada perayu memandangkan kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh perayu adalah satu kesalahan jenayah dan sebarang keraguan yang timbul daripada undang-undang tersebut hendaklah diputuskan memihak kepada tertuduh iaitu perayu. Setelah membuat perbandingan di antara definasi wages' di bawah Ordinan 1951 dengan definasi 'wages,' dan 'overtime payment' di bawah Akta KWSP, ia menguatkan pandangan mahkamah bahawa majikan tidak perlu membuat caruman ke atas gaji yang dibayar kepada pekerja yang bekerja pada hari cuti dan hari cuti am (lihat ms 328C–E, H–I).

(3) Mengenai amaun caruman tunggakan sebanyak RM81,648 adalah jelas bahawa taksiran caruman tunggakan tersebut juga dibuat dengan mengambilkira bayaran kepada pekerja-pekerja perayu bagi kerja-kerja pada hari cuti dan cuti am. Sijil yang dikemukakan hanyalah merupakan satu keterangan prima facie di bawah s 64 Akta KWSP dan bukan muktamad. Oleh itu, apabila asas perkiraan caruman tersebut telah mengambilkira bayaran kepada pekerja bagi kerja pada cuti am dan hari cuti yang tidak sepatutnya diambilkira, amaun caruman tersebut adalah tidak betul (lihat ms 329A–C).

[English summary

The appellant had appealed against the decision of the Kuantan magistrate in finding the appellant guilty for all three charges under s 43(2) of the Employees Provident Fund Act 1991 ('EPF Act') for failing to pay a lesser contribution paid for two employees. The issues to be decided was whether the appellant was required to pay the contribution for the wages paid to the employees for a holiday and a public holiday; and whether the word 'overtime payment' included payment for a holiday and a public holiday.

Held, allowing the appellant's appeal and setting aside the magistrate's order regarding the payment of the arrears of contribution:

(1) When one is working on a holiday and a public holiday, it is working outside normal hours. When one is working outside normal hours, it is working overtime. Because the meaning of the word 'wages' under s 2 of the EPF Act does not include overtime payment, thus it is clear that the employer, ie the appellant is not required to pay a contribution for the payment to the employee working on a holiday or a public holiday. Applying the word in (a) of the interpretation section of the Employees Provident Fund Ordinance 1951 ('the 1951 Ordinance'), specifically 'normal period of work' it is clear that the meaning of 'wages' does not

include salary or wages for working 'overtime'. The 1951 Ordinance only compels for contribution be made on the salary of works done during normal working hours only (see p 328B–C, G–H).

(2) The appellant was charged in 1996 for failure to make a lesser contribution payment for the employees for salaries for the month of January and May 1994. The appellant was charged after the A914 Act was enforced. Even though the A914 Act did not state the it was effective retrospectively, the 'lacunae' at the material time should be decided for the appellant as the offence alleged to have been committed by the appellant was a criminal offence and any doubts arising from the law should be decided for the accused, ie the appellant. After making a comparison between the definition of 'wages' under the 1951 Ordinance and the definition under the EPF Act, it strengthened the court's view that the employer was not required to make contribution for the salary paid to the employees working on a holiday and a public holiday (see p 328C–E, H–I).

(3) With regards to the amount of the arrears of contribution amounting to RM81,648 it is clear that the assessment for the arrears of contribution was also made with consideration of the payment to the appellant's employees for work done on a holiday and a public holiday. The certificate adduced was only a prima facie evidence under s 64 of the EPF Act and was not final. Therefore, when the basic calculation of the contribution had considered the payment to the employee for work done on a public holiday and a holiday which should not have been considered, the amount of the contribution was wrong (see p 329A–C).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai tanggungjawab majikan, 8 lihat *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 847–892.

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 ss 2, 43(2), 63
Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951

Rayuan daripada: Kes No 87–1403 Tahun 1996 (Mahkamah Majistret, Kuantan)

Saragapani (*Vendargon & Partners*) bagi pihak perayu.
Sharif bin Abu Samah (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak responden.

Abu Samah H: Ini adalah rayuan oleh perayu terhadap keputusan majistret Kuantan yang mendapati perayu bersalah terhadap ketiga-tiga pertuduhan di bawah s 43(2) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 ('Akta KWSP') kerana gagal membuat bayaran caruman yang

terkurang bayar bagi dua orang pekerjanya. Pertuduhan-pertuduhan terhadap perayu adalah seperti di dalam ms 3–5 rekod rayuan.

Perayu telah dikenakan hukuman denda sebanyak RM1,000 bagi setiap pertuduhan; jika gagal bayar, penjara satu bulan bagi setiap pertuduhan.

Di samping itu, perayu juga telah diperintahkan di bawah s 63 Akta KWSP membayar tunggakan caruman termasuk dividen sebanyak RM81,648 atas kadar 8% setahun mulai dari tarikh caruman yang kena dibayar sehingga tempoh penjelasan sepenuhnya kepada KWSP. Amaun caruman tersebut adalah berdasarkan kepada sijil yang diperakukan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh KWSP di bawah s 63 Akta KWSP.

Isu utama yang perlu diputuskan ialah sama ada perayu dikehendaki membuat caruman bagi gaji atau 'wages' yang dibayar kepada pekerja tersebut pada hari cuti dan hari cuti am. SP3, iaitu pemeriksa KWSP, di dalam keterangannya menyatakan ia telah membuat taksiran amaun caruman dengan mengambilkira bayaran 'normal working hour', bayaran cuti, cuti am dan juga elaun yang telah dibayar kepada pekerja tersebut tetapi tidak termasuk bayaran lebih masa atau 'overtime'.

Perayu, di dalam pembelaannya, menyatakan bahawa ia telah membuat caruman bagi pekerja tersebut tetapi caruman tersebut tidak mengambil kira bayaran kepada pekerja-pekerja pada hari cuti dan cuti am.

Perkataan 'wages' telah ditafsirkan di dalam s 2 Akta KWSP. Definasi 'wages' tersebut tidak termasuk bayaran lebih masa atau 'overtime payment'. Ini bermakna caruman tidak perlu dibuat bagi bayaran lebih masa. Pada tarikh-tarikh kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh perayu, perkataan 'overtime payment' tidak ada ditafsirkan di bawah Akta KWSP. Bagaimanapun, melalui pindaan yang dibuat oleh Akta A914, yang berkuatkuasa mulai dari 1 Ogos 1995 perkataan 'overtime payment' telah diberikan definasi di bawah s 2 Akta KWSP sebagai berikut:

> 'overtime payment,' means any payment due from an employer to an employee for work carried out in excess of the normal working hours of such employee and includes any payment paid to an employee for work carried out on public holidays and rest days.

Oleh itu, mulai dari tarikh Akta A914 berkuatkuasa, majikan tidak lagi perlu membuat caruman bagi bayaran kepada pekerja-pekerja pada hari cuti am dan hari cuti.

Peguam perayu berhujah bahawa terdapat 'lacunae' dari segi undang-undang sama ada perayu perlu membayar caruman bagi bayaran kepada pekerja-pekerja pada hari cuti dan cuti am.

Pegawai pendakwa berhujah di mahkamah majistret bahawa taksiran yang dibuat oleh SP3 tidak termasuk bayaran lebih masa tetapi ia tidak menghujahkan sama ada perkataan 'overtime payment' ini termasuk bayaran bagi hari cuti dan cuti am. Timbalan pendakwa raya, yang mewakili responden tidak mengemukakan sebarang autoriti bahawa bayaran bagi hari cuti dan cuti am tidak boleh diambilkira sebagai bayaran lebih masa. Majistret juga tidak memutuskan isu tersebut yang dibangkitkan oleh peguam perayu semasa perbicaraan. Ia hanya menyatakan bahawa taksiran

yang dibuat oleh SP3 tidak termasuk bayaran lebih masa ('overtime'). 'Overtime' yang dimaksudkan ialah tempoh kerja lebih masa selama empat jam yang dibuat oleh pekerja-pekerja perayu selain dari tempoh kerja biasa selama lapan jam.

Concise Oxford Dictionary (Edisi ke-9) memberikan definasi 'overtime' seperti berikut:

> ... the time during which a person works at a job in addition to the regular hours.

Oleh itu, saya berpendapat bahawa apabila seseorang itu bekerja pada hari cuti dan hari cuti am, ia berada di luar waktu biasanya. Apabila ia bekerja di luar waktu biasanya, ia adalah melakukan kerja lebih masa. Oleh kerana makna perkataan 'wages' di bawah s 2 Akta KWSP tidak termasuk bayaran lebih masa, maka adalah jelas bahawa majikan, iaitu perayu tidak dikehendaki membayar caruman ke atas bayaran kepada pekerja yang bekerja pada hari cuti atau cuti am.

Perayu telah dituduh pada tahun 1996 terhadap kegagalan membuat bayaran caruman terkurang bagi pekerja-pekerja tersebut bagi gaji bulan Januari dan Mei 1994. Perayu dituduh selepas Akta A914 berkuatkuasa.

Walaupun Akta A914 tidak menyatakan bahawa ia berkuatkuasa kebelakangan atau secara retrospektif, saya berpendapat 'lacunae' yang terdapat pada masa yang material patut diputuskan memihak kepada perayu memandangkan kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh perayu adalah satu kesalahan jenayah dan sebarang keraguan yang timbul daripada undang-undang tersebut hendaklah diputuskan memihak kepada tertuduh iaitu perayu.

Saya telah merujuk kepada Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 ('Ordinan 1951'), iaitu undang-undang yang terpakai sebelum ia digantikan dengan Akta KWSP. Perkataan 'overtime payment' tidak ada ditafsirkan tetapi perkataan 'wages' ada ditafsirkan seperti berikut:

> 'wages' means the remuneration in money due to an employee under his contract of service or apprenticeship, whether agreed to be paid monthly, weekly, daily or otherwise:
>
> (a) in respect of the normal periods of work to be performed by the employee; or
>
> (b) ...
>
> (c) ...

Dengan menggunakan perkataan di dalam (a) di atas, khususnya 'normal period of work' adalah jelas bahawa makna 'wages' tidak termasuk gaji atau upah di luar waktu kerja biasa, iaitu waktu kerja lebih masa atau 'overtime'. Ordinan tersebut hanya mewajibkan caruman dibuat ke atas gaji bagi kerja-kerja dalam waktu kerja biasa sahaja.

Setelah membuat perbandingan di antara definasi wages' di bawah Ordinan 1951 dengan definasi 'wages,' dan 'overtime payment' di bawah Akta KWSP, ia menguatkan pandangan saya bahawa majikan tidak perlu membuat caruman ke atas gaji yang dibayar kepada pekerja yang bekerja pada hari cuti dan hari cuti am.

A Atas alasan tersebut saya, dengan ini membenarkan rayuan perayu terhadap sabitannya ke atas ketiga-tiga pertuduhan. Denda, jika telah dibayar hendaklah dikembalikan.

Mengenai amaun caruman tunggakan sebanyak RM81,648 adalah jelas bahawa taksiran caruman tunggakan tersebut juga dibuat dengan mengambilkira bayaran kepada pekerja-pekerja perayu bagi kerja-kerja pada hari cuti dan cuti am. Sijil yang dikemukakan hanyalah merupakan satu keterangan prima facie di bawah s 64 Akta KWSP dan bukan muktamad. Oleh itu, apabila asas perkiraan caruman tersebut telah mengambilkira bayaran kepada pekerja bagi kerja pada cuti am dan hari cuti yang tidak sepatutnya diambilkira, amaun caruman tersebut adalah tidak betul.

Oleh itu, perintah majistret mengenai bayaran caruman tunggakan tersebut adalah dengan ini diketepikan.

Rayuan perayu dibenarkan dan perintah majistret mengenai bayaran caruman tunggakan diketepikan.

Dilaporkan oleh Ezatul Zuria Azhari